

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah promosi yang dilakukan oleh Pasukan Sukarelawan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dalam menggalakkan lebih ramai belia menyertai pasukan sukarelawan tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pindaan Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) 2004 [Akta 633] (Pindaan 2018) yang telah diwartakan di dalam Undang-undang Malaysia pada 10 Januari 2018 memberi punca kuasa kepada APMM untuk menubuhkan dan melaksanakan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia (PSMM) di seluruh negara.

Untuk makluman Tuan Yang Di-pertua dan Dewan Yang Mulia ini, promosi PSMM telah giat dilaksanakan bermula pada tahun 2017 dimana APMM telah melaksanakan '*road show*' dan majlis pelancaran (*soft launch*) bagi memperkenalkan PSMM di seluruh negara. Antara pengisian majlis pelancaran ini adalah sesi pendaftaran kepada yang berminat untuk memohon sebagai anggota PSMM. Sesi pendaftaran ini mengambil kira kriteria dan kelayakan yang ditetapkan Agensi supaya ianya mencapai objektif dan matlamat penubuhan PSMM.

Selain itu, penyertaan unit komunikasi korporat dari pelbagai agensi sebagai anggota PSMM telah dilaksanakan pada 28 Januari 2019 dimana secara langsung telah menggalakkan lebih ramai belia untuk menganggotai pasukan sukarelawan ini melalui program dan aktiviti yang dijalankan seperti Program Sahabat Maritim telah dapat mempromosikan APMM secara amnya dan PSMM secara khususnya.

Pada masa yang sama, APMM sedang dalam proses untuk pengukuhan pelaksanaan PSMM di Pulau Pinang sebagai projek rintis (*pilot project*) yang turut merangkumi keperluan kewangan, modul latihan serta kesediaan tempat bagi pelaksanaan latihan dan aktiviti. APMM mengambil pendekatan untuk penambahbaikan dari semasa ke semasa supaya tidak menjadikan pelaksanaan PSMM ini sebagai satu program sukarelawan yang dibuat secara tergesa-gesa tanpa mengambil kira implikasi pada masa hadapan.